

02 AUG 1996

KL TUAN RUMAH PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGURUSAN PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Institut Aminuddin Baki, akan menganjurkan Persidangan Serantau/Antarabangsa Majlis Pengurusan Pendidikan Komanwel Kelapan (CCEA) di sini.

Persidangan yang julung kali diadakan di Malaysia itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 19 Ogos ini.

Menurut kenyataan institut itu hari ini, kira-kira 500 hingga 1,000 penyelidik dari dalam dan luar negeri, ahli akademik, pentadbir dan pegawai kerajaan akan menghadiri persidangan lima hari itu.

CCEA ialah sebuah majlis pentadbir pendidikan dari negara-negara Komanwel dan bukan Komanwel.

Antara lain, majlis itu berperanan menerbitkan jurnal seperti "Pengajian Dalam Pendidikan", "Halatuju Baru Pendidikan" dan pelbagai monograf lain.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak akan menutup persidangan itu.

-- BERNAMA

YBK OBA